

TKPM bekal makanan pada harga stabil

Oleh LAUPA JUNUS
(WARTAWAN UTUSAN)

KETIKA kunjungan wartawan *Utusan Malaysia* ke beberapa projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi menemu bual pesertanya sebelum ini, rata-rata mereka berpuas hati dan benar-benar mendapat manfaat daripadanya.

Luahan itu mungkin disampaikan secara langsung dan tidak langsung tetapi TKPM sebenarnya telah pun ada sejak Rancangan Malaysia Kelapan lagi (RMK-8), banyak melahirkan usahawan tani, termasuk golongan muda.

Satu daripada kelebihan projek di bawah TKPM, khususnya yang memfokuskan kepada sayur-sayuran ialah penggunaan sistem fertigasi iaitu kaedah penanaman berteknologi tinggi. Jika selama ini, pertanian sering dikaitkan dengan kerja tidak glamor, berpanas, bergelumang dengan lumpur, maka teknologi fertigasi khususnya yang diusahakan oleh peserta TKPM membuktikan sebaliknya.

Mahu tidak mahu, masyarakat perlu menyedari bahawa pertanian sudah memasuki fasa baru yang mana kerajaan mahu memperhebatkannya, sekali gus, mengikis krisis identiti sektor tersebut.

Program TKPM diwujudkan sebagai satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk menggalakkan pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) beberapa projek besar yang disenaraikan dalam Projek Berimpak Besar (HIP) diwujudkan termasuk TKPM ialah Ladang Kontrak, Program Pembangunan Usahawan Tani, Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional (NFC).

Pentingnya TKPM pula kerana ia berfungsi sebagai zon pengeluaran tanaman makanan yang kekal selain meningkatkan penglibatan usahawan dan sektor swasta dalam pengeluaran tanaman makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed berkata, setakat ini terdapat 45 TKPM telah dibangunkan dan beroperasi di bawah HIP di seluruh Semenanjung Malaysia.

Katanya, sehingga kini bilangan peserta yang terlibat adalah seramai 764 usahawan tani dan 110 terdiri daripada syarikat. Seramai 500 daripada mereka pula telah mendapat hasil daripada tanaman.

Daripada jumlah tersebut seramai 148 usahawan tani atau 19 peratus telah berjaya memperoleh pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan, yang merupakan antara matlamat sebenar TKPM diwujudkan.

"Respons daripada usahawan setakat ini amat menggalakkan," kata Mustapa.

Apatah lagi, agensi kementerian berkaitan seperti Jabatan Pertanian memberi khidmat nasihat berdasarkan keperluan peserta.

Pada masa ini, insentif yang disediakan bagi peserta TKPM ialah sebanyak RM20,000 sehektar bagi kos pembangunan infrastruktur asas seperti jalan ladang, perparitan, sistem pengairan, pusat pengumpulan, bekalan elektrik dan air bersih.

Mereka yang berminat menyertai projek di bawah TKPM perlu memenuhi beberapa syarat iaitu warga negara Malaysia, berpengalaman, terlatih, mempunyai modal dan berupaya membuat pinjaman selain bersikap terbuka dan positif serta sanggup mematuhi segala peraturan yang ditetapkan.

Di bawah TKPM pelbagai projek pertanian dijalankan iaitu penanaman buahbuahan dan sayur-sayuran termasuk juga tanaman herba.

Menurut Mustapa lagi, kejayaan projek TKPM ini akan dapat memberikan impak dari segi bekalan makanan yang mencukupi dan harga akan lebih stabil kerana dapat memenuhi permintaan.

Ia juga mampu menambah pendapatan petani dan yang terlibat dalam pertanian melalui peningkatan eksport makanan, ujarnya.

"Saya percaya industri makanan juga akan memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara dalam kita menjadikan sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan ekonomi ketiga negara," ujarnya.

Justeru pelancaran TKPM dan Taman Pertanian Moden di Lanchang, Temerloh Pahang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini diharap dapat memberi petunjuk mengenai komitmen kerajaan untuk memperkasa sektor pertanian negara khususnya agro makanan.

TKPM Lanchang mula dibangunkan pada 2003 yang melibatkan kawasan seluas 3,600 hektar. Projek tersebut terbahagi kepada dua komponen iaitu TKPM Usahawan dan TKPM Swasta.

TKPM Usahawan merangkumi kawasan seluas 400 hektar, dijangka melibatkan seramai 50 peserta dan sehingga kini hanya 240 hektar yang telah dibangunkan dan melibatkan 23 peserta, manakala TKPM swasta melibatkan kawasan yang dirancang seluas 3,200 hektar.

Namun sehingga kini, 2,156 hektar telah ditawarkan dan dibangunkan kepada 39 syarikat oleh kerajaan negeri. Daripada jumlah tersebut hanya 27 syarikat sahaja yang telah mula beroperasi.

Pengeluaran sepanjang tahun 2008 adalah 3,435 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM3.91 juta. Justeru, kerajaan berharap projek tersebut dapat dimajukan mengikut apa yang dirancang dengan sokongan pelbagai pihak sama ada pelabur atau peserta.

Kerajaan negeri, setakat ini memberikan respons yang cukup baik dalam menyediakan tanah dan kemudahan bagi TKPM. Ini termasuk juga dari segi pemilihan peserta yang betul-betul berkemampuan dan berkemahiran dalam selok-belok pertanian dan perniagaan.